



Analisis Pengetahuan Kandungan Guru Cemerlang Bahasa Melayu tentang PdP KOMSAS Menurut DSKP

Mohd Rohiman Subri¹ & Rohizani Yaakub¹

¹Universiti Sains Malaysia

Article Info

Received:

08 January 2021

Accepted:

19 February 2021

Publish

01 April 2021

E-mail address:

rohiman547@gmail.com

***Corresponding Author:**

rohizani@usm.my

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Pengetahuan kandungan dalam kalangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu (GCBM) harus diteroka secara mendalam untuk memastikan pengajaran komponen sastera (KOMSAS) dilaksanakan dengan sebaiknya seperti kehendak dalam Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu (DSKPBM). Hal ini dikatakan demikian kerana, GCBM merupakan guru pakar yang seharusnya melaksanakan pengajaran KOMSAS mengikut kehendak DSKPBM iaitu bertindak sebagai bahan dalam menyokong pengajaran kemahiran dan aspek dalam subjek Bahasa Melayu. Objektif kajian ini memberi tumpuan untuk meneroka pengetahuan kandungan isi pelajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu tentang PdP KOMSAS. Kajian ini menggunakan kaedah fenomenologi dengan pendekatan kualitatif bersumberkan data temu bual mendalam terhadap 7 peserta kajian yang terdiri daripada GCBM di Malaysia. Hasil kajian mendapati pengetahuan kandungan GCBM terhadap isi pelajaran berteraskan empat kemahiran iaitu membaca, mendengar bertuor dan menulis. Pengetahuan kandungan isi pelajaran GCBM juga terdorong kepada pengajaran terhadap aspek seni berbahasa dan kesejahteraan diri murid yang telah ditekankan dalam DSKPBM.

Keyword: guru cemerlang, bahasa melayu, analisis kandungan, DSKP

Pengenalan

Terma Guru Cemerlang (GC) merupakan satu peluang kenaikan pangkat yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) secara fast track dengan memiliki pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran khususnya. Sejak tahun 1994 KPM telah memperkenalkan peluang kenaikan pangkat ini kepada guru-guru yang benar-benar cemerlang dalam mata pelajaran dan bidang pengkhususannya agar mereka kekal sebagai guru pakar dalam sesuatu mata pelajaran. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Guru Bahasa Melayu tidak terlepas dengan peluang malah Guru Cemerlang Bahasa Melayu (GCBM) turut dilantik oleh KPM bagi guru yang layak serta mempunyai kecekapan dalam PdP bagi mata pelajaran pengkhususannya (KPM, 2008).

Pengenalan Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu (DSKPBM) oleh KPM telah menuntut perubahan dari segi corak pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) Bahasa Melayu dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Perubahan ini menuntut semua Guru Cemerlang Bahasa Melayu di Malaysia melakukan perubahan dari segi gaya pengajaran KOMSAS selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu (DSKPBM). Karya KOMSAS bertindak sebagai bahan pengajaran kemahiran dan aspek dalam Bahasa Melayu (KPM, 2018). Perubahan ini juga menuntut guru agar memperbaharui dari segi pengetahuan terhadap kandungan pengajaran terutamanya terhadap isi pengajaran KOMSAS. KPM telah menetapkan penggunaan teks KOMSAS masih mengguna pakai teks yang lama sebagai bahan pengajaran dalam pembelajaran Bahasa Melayu dengan merubah gaya pengajaran ke arah berorientasikan kemahiran berbahasa (KPM,2018). Pengetahuan kandungan guru dilihat sebagai satu elemen penting dalam memastikan kejayaan dalam sesebuah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru (Shulman, 1986). Begitu juga dengan Guru Cemerlang yang seharusnya mempunyai pengetahuan kandungan yang mencukupi dalam melaksanakan pengajaran KOMSAS sebagai bahan pengajaran di samping tidak mengabaikan matlamat pembelajaran KOMSAS.

Sorotan Literatur

Pengetahuan kandungan Guru Cemerlang

Domain pengetahuan yang perlu ada dalam diri bagi seseorang guru ialah pengetahuan kandungan mata pelajaran, pengetahuan pedagogi dan seterusnya akan membentuk pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) (Shulman, (1987). Shulman (1986) dan Grossman (1990), menyatakan guru yang berkesan dan berkualiti seharusnya bukan hanya mengetahui tajuk malah menguasai isi kandungan yang telah ditetapkan. Keupayaan mereka lebih luas dengan menghuraikan maklumat yang terkandung dengan memperincikan sebab-sebab isi kandungan tersebut perlu dipelajari oleh seseorang murid. Murid akan tertarik dengan bentuk penyampaian maklumat yang lengkap dan jelas tambahan pula guru berupaya mengaitkan dengan isi kandungan bagi mata pelajaran lain yang dipelajari oleh mereka. Hargreaves (1994), menyatakan pendapatnya bahawa guru tidak hanya ditugaskan untuk mendedahkan maklumat dalam kandungan mata pelajaran sewaktu di dalam kelas malah mereka mampu mentakrifkan, membina serta menafsir dengan jelas dan terang agar murid dapat menerima dan memahami dengan jelas serta diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, kajian Shulman dan Grossman (1988), meneliti tentang penguasaan terhadap pengetahuan kandungan seseorang guru yang berkesan telah menjadi penentu kejayaan dalam PdP dan bertindak sebagai pengaruh melalui tindak-tanduk guru ketika di dalam kelas dan perancangan mengajar yang dilakukan olehnya. Perkara ini selaras dengan kajian Goulding, Rowland dan Barber (2002), telah mendapati kelemahan seseorang guru dalam memahami isi kandungan pelajaran akan memberi kesan yang buruk terhadap pelaksanaan pengajaran yang tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Kelemahan ini seharusnya diperbaiki oleh seseorang guru dalam memastikan amalan sesuatu perancangan dan pelaksanaan terhadap pengajaran dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin demi kefahaman murid. Grossman (1990), seseorang guru tidak mampu menadi sebagai pengajar yang berkesan tanpa menguasai pengetahuan kandungan dengan sempurna untuk disampaikan kepada murid mereka.

PdP KOMSAS Bahasa Melayu

KPM (2018) telah mengeluarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (DSKPBM) Tingkatan 4 dan 5 dengan menggantikan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP). Dokumen ini bertujuan untuk dijadikan panduan guru-guru dalam mengajar Bahasa Melayu bagi tingkatan 4 dan 5. Pembaharuan telah dilakukan dalam dokumen ini iaitu bagi pengajaran dan pemudahcaraan Komponen Sastera (KOMSAS). KOMSAS tidak lagi diajar secara langsung seperti dalam HSP sebaliknya teks KOMSAS dijadikan bahan pengajaran kemahiran bahasa.

Guru Bahasa Melayu (GBM) perlu lebih kreatif serta mempunyai ciri kompetensi yang cemerlang untuk memastikan pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) KOMSAS dapat disepadukan dengan PDPC kemahiran bahasa. Selain itu, KPM (2018) turut berpendapat pengajaran KOMSAS seharusnya berupaya dapat menyokong dalam pembentukan individu, pembangunan minda, sosioemosi, estetik, kreativiti dan nilai diri dengan berlandaskan budaya dan citra masyarakat Malaysia. Bukan itu sahaja, pembelajaran KOMSAS berupaya memberi nafas baharu kepada murid untuk menguasai kemahiran penulisan karangan melalui perkembangan idea menerusi pembacaan bahan KOMSAS (Abdul Rasid, Shamsuddin & Norliza, 2012).

Namun, guru Bahasa Melayu dilihat kurang berkemampuan dalam pengajaran sehingga menyebabkan pembelajaran KOMSAS gagal menarik minat pelajar untuk mempelajarinya (Rozani Ahmad, 2017). Perubahan pengajaran KOMSAS yang bertindak sebagai bahan pengajaran seharusnya disadari oleh Guru Cemerlang Bahasa Melayu bagi menaraik minat semula murid dalam mempelajari karya KOMSAS. Tambahan pula dapatan kajian Rozita Radhiah dan Abdul Rasid (2012) dan Ong Sze Chong (2018) mendapati guru Bahasa Melayu cenderung untuk melaksanakan pengajaran berpusatkan kepada guru. Hal bertentangan dengan berkehendakkan pengenalan DSKPBM. Pengajaran KOMSAS memerlukan sesi pengajaran yang berpusatkan kepada murid untuk memastikan murid sentiasa aktif dalam meneroka teks KOMSAS. Oleh itu, penting untuk mempunyai pengetahuan terhadap kandungan isi pelajaran KOMSAS bagi melaksanakan pengajaran yang mampu merangsang kemahiran berbahasa murid.

Sehingga kini, KPM masih mengekalkan sebanyak 63 teks KOMSAS yang akan dipelajari oleh murid bermula di tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Langkah ini bertujuan untuk mencapai matlamat dalam pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan, kesedaran tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya dalam diri murid selaras dengan budaya masyarakat Malaysia. Statistik bilangan teks KOMSAS diapaparkan sebagaimana yang terdapat pada jadual 1

Jadual 1: *Jumlah Teks KOMSAS yang Dipelajari Murid*


Genre	T1	T2	T3	T4	T5	Jumlah
Novel	1	1	1	1	1	5
Cerpen	3	3	3	3	3	15
Drama	1	1	1	1	1	5
Puisi Moden	4	3	4	4	4	19
Puisi Tradisional	2	6	2	2	2	14
Prosa Tradisional	1	1	1	1	1	5
Jumlah	12	15	12	12	12	63

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan fenomenologi bagi menjawab persoalan kajian. Oleh sebab, kajian ini berbentuk penerokaan, kaedah kualitatif digunakan bagi mengumpulkan data. Data yang bersepadu diperlukan dalam membentuk pernyataan dan penjelasan berkaitan fokus kajian iaitu pengetahuan kandungan GCBM tentang Pdp KOMSAS. Penerokaan secara mendalam berkaitan pengetahuan kandungan GCBM terhadap tujuh orang peserta kajian yang telah ditemu bual. Peserta kajian yang terdiri daripada GCBM di Malaysia merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Pdp KOMSAS dengan berteraskan DSKPBM. Bogdan dan Biklen, (1992) berpendapat bagi mengumpul data deskriptif kaedah temu bual mendalam digunakan terhadap peserta kajian untuk membolehkan penyelidik membina pengertian dan kefahaman yang mendalam tentang pentafsiran sesuatu aspek. Peserta kajian yang menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah fenomena GCBM yang dipilih secara rawak di Malaysia untuk memberikan maklumat berkaitan pengetahuan kandungan pengajaran KOMSAS. GCBM dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pemantauan oleh Jemaah Nazir Persekutuan Kementerian Pendidikan Malaysia. Data yang diperoleh ditranskrip, dikod, dan dianalisis dengan menggunakan perisian analisis kualitatif NVivo 12. Miles dan Huberman (1994) berpendapat proses menganalisis data melibatkan tiga langkah iaitu reduksi data, pemaparan data, serta membuat kesimpulan dan verifikasi data. Kaedah pembinaan tema digunakan dengan berteraskan tiga kaedah bagi mengekod dan menganalisis bersama-sama dengan unit persampelan, unit konteks dan unit perekodan (Creswell, 2003). Analisis tema digunakan untuk mengenal pasti dan membangunkan tema serta perbincangan berkenaan dengan pengetahuan kandungan GCBM dalam Pdp KOMSAS menurut DSKPBM.

Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian ini menumpukan pengetahuan kandungan PK kepada isi pelajaran dalam Pdp KOMSAS yang bertindak sebagai bahan pengajaran. Ketiga-tiga aspek ini penting dalam mewujudkan Pdp KOMSAS yang berkesan. PK telah menumpukan pengajaran KOMSAS ke arah membangunkan kemahiran yang terdapat dalam DSKPBM iaitu membaca, mendengar, bertutur dan menulis. Kemahiran-kemahiran ini menjadi perkara pokok dalam menentukan teks KOMSAS yang dipilih dalam menyampaikan isi pelajaran terhadap murid. Mereka juga turut menekankan isi pelajaran KOMSAS dalam membina kesejahteraan diri murid melalui peristiwa yang terdapat dalam teks KOMSAS. Selain itu, konsep seni berbahasa juga turut ditekankan oleh PK dalam melaksanakan Pdp KOMSAS terhadap murid dengan menyetengahkan cara penyampaian karya dan aspek sastera yang terkandung di dalam teks. Kesemua peserta kajian telah menekankan isi pelajaran KOMSAS ke arah pengajaran kemahiran, kesejahteraan diri dan seni berbahasa Dapatan kajian dapat dijelaskan seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Isi Pelajaran

Pengetahuan kandungan dari segi isi pelajaran sangat penting dan perlu dikuasai oleh guru. Dalam pengajaran KOMSAS, kesemua peserta kajian memberi penekanan terhadap pengajaran KOMSAS ke arah meningkatkan kemahiran berbahasa murid iaitu kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran menulis. Hal ini selaras dengan penekanan dalam konsep pengajaran Bahasa Melayu dalam DSKPBM (KPM, 2018). PK1 berpendapat pelaksanaan PdP KOMSAS sangat membantu murid dalam penguasaan kemahiran membaca seperti yang termaktub dalam DSKPBM. Penggunaan teks syair gurindam sangat berkesan untuk membantu mengasah kemahiran membaca murid iaitu “kemahiran yang ingin dinilai dan diajar iaitu kemahiran membaca... jadi pelajar dapat membaca contohnya syair, gurindam dengan berkesan...saya nampak sangat relatif pengajaran KOMSAS ini dengan DSKP yang diperkenalkan oleh Kementerian bagi mencapai objektif utama itu menggalakkan murid membaca bahan sastra...”. Penggunaan teks KOMSAS tersebut dilihat membantu untuk mengembang kemahiran membaca murid yang perlu ditekankan oleh semua guru. PK2 turut bersetuju bahawa bahan KOMSAS seperti novel dilihat membantu mengasah kemahiran membaca pelajar di samping mampu memantapkan penguasaan bahasa murid agar lebih indah dalam kehidupan seharian menerusi hasil pembacaan mereka. Beliau menyatakan “...jika kita suruh mereka membaca novel dekat luar dekat Internet mereka tidak akan baca... Kurang membacalah, tetapi bila di sekolah menjadi satu teks yang wajib, jadi apabila mereka membaca mereka akan dapat menguasai kemahiran membaca dengan lebih pantas dan cekap di samping penguasaan bahasa-bahasa mereka gunakan lebih indah dalam kehidupan mereka...”. Murid dapat meningkatkan penggunaan kuasa kata yang tinggi di samping berupaya menggunakan dan memahami diksi indah dalam proses komunikasi. Begitu juga PK3 dan PK5 yang turut bersetuju dengan pendapat PK di atas dengan mengatakan KOMSAS berupaya meningkatkan kemahiran membaca dengan merujuk kepada kefahaman terhadap makna perkataan dalam karya. Hal ini selaras dengan pendapat Yahya (2005) menjelaskan tujuan pembacaan adalah untuk memastikan kefahaman terhadap teks yang memberi makna kepada pembaca.

Di samping itu, PK4 turut berpendapat pengajaran KOMSAS dilihat boleh menghubungkan banyak kemahiran dalam satu pengajaran. Penggunaan teks KOMSAS cerpen Cinta Ahmad Mutawakil dilihat membantu murid untuk mengasah kemahiran membaca dan menulis secara serentak iaitu “...dia kena gabung jalin dengan kemahiran membaca... dan kemahiran menulis contohnya kita nak ajar menulis karangan tema kemerdekaan kita boleh jadikan cerpen Ahmad Mutawakil sebagai bahan pengajaran yang pertama kita ajar mereka kemahiran membaca dahulu

untuk mengeluarkan isi karangan...”. Kemahiran membaca boleh dihubungkan dengan banyak kemahiran dalam satu sesi pengajaran bergantung kepada penetapan objektif yang telah ditetapkan oleh seseorang guru. PK 6 turut bersetuju dengan pendapat di atas dengan menyifatkan kemahiran dengar tutur juga boleh diajar secara serentak dengan menggunakan teks KOMSAS sebagai bahan pengajaran. Pengajaran dengar tutur boleh diajar secara serentak dalam satu sesi PdP terhadap murid (KPM, 2018).

PK1 juga berpendapat penyesuaian bahan pengajaran KOMSAS dengan pengajaran kemahiran mendengar terhadap murid untuk membangunkan kemahiran mendengar mereka. Teks KOMSAS dilihat sangat berkesan dalam membangunkan kemahiran mendengar murid. Malah kemahiran mendengar juga menjadi asas untuk digabungkan dengan kemahiran lain (Nik Mohd Rahimi, 2005. Menurutnya, “...sebagai Guru Cemerlang kita kena tahu bagaimana nak latih murid mengambil pengajaran ini secara berkesan...sewaktu mengajar kemahiran mendengar melalui bahan seloka Pak Kaduk misalnya yang dibacakan kepada pelajar di setiap kumpulan dan selepas mendengar pelajar dikehendaki mentafsir bahan yang didengari, dan dalam masa yang sama kemahiran menulis juga boleh diselitkan...”. Beliau memberikan contoh pengajaran kemahiran mendengar dengan menggunakan teks KOMSAS menerusi seloka Pak Kaduk dan mampu menambah kemahiran lain seperti kemahiran menulis. Karya KOMSAS yang lain seperti pantun juga sesuai digunakan untuk pengajaran kemahiran mendengar terhadap murid seperti pendapat yang dikemukakan oleh PK2 iaitu “...sekarang menjadi keutamaan dalam pengajaran KOMSAS dan fungsi penting dalam pengajaran KOMSAS terhadap pelajar ialah membangunkan kemahiran dalam diri pelajar seperti kemahiran mendengar. Pada hari ni kita nak mengajar pantun jadi kita minta wakil pelajar lain mendengar dan diberi soalan...setelah wakil pelajar selesai baca pantun mereka perlu menjawab soalan. Kita latih kemahiran mendengar mereka...”.

Peserta kajian turut berpendapat kemahiran mendengar berupaya diajar dengan menggunakan teks KOMSAS dengan melihat kepada ketepatan dan kefahaman makna terhadap bahan yang didengar. Kemahiran mendengar merujuk kepada kemampuan murid untuk mendengar dengan teliti dan jelas dengan memahami sesuatu perkara yang didengari melalui kepelbagaian situasi melalui pengucapan, penceritaan, perbincangan dan sesi soal jawab. Kemahiran ini melibatkan penerimaan mesej atau pesanan yang disampaikan kepada murid melalui karya KOMSAS yang bertindak sebagai bahan dan diajar oleh guru. Kesilapan murid mendengar akan menyebabkan berlakunya perubahan dari segi makna dan mesej yang ingin disampaikan (Rosni Samah, 2009). PK4 menjelaskan pengajaran KOMSAS seharusnya dapat dibangunkan bersama-sama kemahiran bertutur pelajar menerusi isi teks KOMSAS yang boleh dijadikan bahan iaitu “Dia kena gabung jalin dengan kemahiran dengar tutur...dengan menggunakan teks KOMSAS yang ada yang bertindak sebagai bahan pengajaran kita, kita sedia soalan dan kita bacakan dihadapan kelas, dekat situ kita boleh lihat murid salah mendengar atau tidak...”. Kemahiran dengar tutur amat ditekankan di dalam DSKP Bahasa Melayu untuk memantapkan kedua-dua kemahiran ini terhadap murid. Murid perlu dibangunkan secara holistik terhadap kemahiran dengar tutur yang berkesan. Pendapat ini turut disokong dengan PK yang lain iaitu PK5 dan PK7 yang turut menjadikan karya KOMSAS sebagai bahan pengajaran melatih kemahiran mendengar murid dengan mengabungkan dengan kemahiran yang lain agar mesej yang disampaikan tepat dan bermakna.

Kemahiran bertutur juga penting dan harus dibangunkan terhadap murid agar mereka dapat berkomunikasi dengan baik. Kemahiran bertutur dapat dikembangkan terhadap murid menerusi penggunaan bahan karya KOMSAS. Malah kemahiran bertutur perlu diajar kepada murid sejak dari awal lagi bagi mengembangkan penguasaan Bahasa Melayu (Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman, 2018). Bertutur merupakan satu proses komunikasi dengan menggunakan keupayaan mental bagi menghasilkan bunyi bahasa yang mampu difahami oleh orang lain. Kemahiran bertutur diajar kepada murid dengan harapan mereka mampu mengeluarkan buah

fikiran menggunakan laras bahasa yang bersesuaian. Murid seharusnya berupaya untuk bertutur dengan berkesan melalui sebutan, intonasi mahupun mengeluarkan perkataan dalam ayat yang tepat dan gramatis. Penggunaan karya sastera yang bertindak sebagai bahan mampu dijadikan sebagai bahan rangsangan untuk murid bertutur seperti yang diucapkan oleh PK1 "...kalau pengajaran cerpen, drama, kita boleh kukuhkan kemahiran bertutur mereka dan tidak salah kita mewujudkan kelas drama sewaktu pengajaran ataupun kita buat drama ringkas yang boleh membuat hiburan...sewaktu mereka berlakon kita dapat bangunkan kemahiran bertutur mereka dalam aspek intonasi dan laras drama...". Kaedah lakonan akan mengalakkan murid untuk bertutur dengan rakan mereka ketika beraksi mengikut jalan cerita yang terdapat dalam karya KOMSAS.

Selain itu, karya KOMSAS mampu menjadi alat pengukuran kemenjadian murid menerusi penilaian terhadap kemahiran mereka dalam bertutur. PK2 berpendapat "...Kita nak nampak kemenjadian itu berlakulah melalui pengajaran KOMSAS contoh murid boleh bertutur dengan hebat...Sebab itu dekat sekolah kita ada pertandingan koakademik forum, pantun, sajak memang dapat diaplikasikan menerusi pengajaran KOMSAS tambahan pula pelajar-pelajar aktif dalam pembelajaran KOMSAS...". PK3 juga turut bersetuju bahawa KOMSAS dilihat mengembangkan kemahiran bertutur melalui penghasilan video. "...jadi saya minta mereka hasilkan dalam bentuk video KOMSAS untuk melatih mereka bertutur...saya akan membimbing pelajar saya sehingga mantap dan selepas mantap saya akan mintak mereka muat naik di Youtube untuk manfaat diri mereka malah yang menonton di seluruh dunia juga mendapat manfaatnya, hebatkan mereka cikgu...".

Di samping itu, kemahiran bertutur merupakan kemahiran wajib untuk menjana idea utama. Proses interaksi ini akan membantu murid untuk menghasilkan pelbagai kemahiran lain seperti kemahiran menulis. Hal ini searas dengan pendapat Abdul Rasid, Shamsuddin dan Norliza, (2012) bahawa bahan KOMSAS sesuai dalam mengembangkan kemahiran menulis karangan. seperti pendapat PK4 iaitu "Murid kita tidak boleh menghasilkan puisi, menghasilkan skrip, dia tak boleh bertutur, nak buat skrip nak buat drama mesti melalui kemahiran bertutur dahulu. Jadi cikgu perlu menjadikan teks seperti sajak untuk dijadikan bahan rangsangan murid bertutur, daripada sajak kita boleh hasilkan sebuah drama ". PK 6 turut berpendapat bahawa proses soal jawab dengan murid akan mengembangkan kemahiran bertutur mereka melalui penyooalan terhadap idea yang cuba diketengahkan oleh pengarang kepada murid iaitu "Kalu kita tengok matlamat pengajaran KOMSAS ni adalah melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk menjelaskan idea-idea yang diketengahkan pengarang terhadap sesuatu karya. Jadi menerusi karya seperti cerpen kita boleh mengasah kemahiran bertutur mereka untuk bertanyakan pendapat mereka berkaitan idea penulis dalam cerpen yang dikaji".

Karya KOMSAS juga berupaya mengembangkan kemahiran menulis murid menerusi idea-idea yang diketengahkan oleh pengarang. Kemahiran menulis diajar kepada murid untuk memastikan mereka mampu menulis perkataan dan ayat di samping menjana idea untuk penghasilan karya kreatif agar memberi motivasi kepada murid. Langkah ini berupaya mengelakkan murid hilang motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu (Abdul Rasid & Zulkafli, 2008). Hal ini berkait rapat dengan pengetahuan dan pengalaman diri murid untuk menulis ayat yang gramatis serta tepat dari segi tanda baca. PK1 berpendapat bahawa karya KOMSAS dapat dijadikan panduan kepada murid untuk mengembangkan kemahiran menulis dalam aspek penulisan kreatif murid seperti "Murid belajar karya KOMSAS tersebut menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai contoh kita ambil puisi, jadi murid boleh mengaplikasikan bagaimana idea yang mereka ada dapat membina sajak, syair...ini secara tidak langsung mengasah kemahiran menulis mereka dalam mencipta penulisan kreatif seperti puisi...". PK5 turut bersetuju dengan pendapat tersebut iaitu "...daripada panulisan karya prosa, sajak, syair, puisi dan akhirnya murid dapat

menghasilkan karya sastra sendiri di sini yang dikatakan kemahiran menulis pelajar, mengasah kreativiti dirinya tersendiri terhadap novel atau bahan bacaannya...”.

Penulisan karangan berfakta juga dapat diasah melalui karya sastra KOMSAS yang sangat luas cakupannya. PK2 menyatakan pendapat bahawa “Tingkatan 5 novel iaitu Silir Dak Sina, jadi maknanya apabila pelajar tersebut faham dari segi istilah-istilah KOMSAS seperti tema, persoalan, pengajaran, nilai itu, kita berikan babak-babak tertentu dan mereka akan keluaran tema ceritanya berdasarkan peristiwa yang mereka hayati malah dapat mengasah kemahiran menulis mereka setelah mengetahui aspek sastra tersebut dan mereka mampu menulis karangan ulasan terhadap karya tersebut”. Murid dapat diasah kemahiran menulis bagi karangan jenis ulasan terhadap karya KOMSAS yang dibaca dan dikaji oleh murid. PK3 turut menjadikan bahan KOMSAS dalam melatih kemahiran menulis karangan berfakta iaitu “...selepas sekolah mereka boleh menceburi bidang-bidang penulisan kreatif walaupun menjawat jawatan profesional yang lain setelah kita berjaya dedahkan kemahiran menulis kepada pelajar, Contoh Sajak Erti Hidup Bererti kita boleh jadikan bahan untuk menjana idea pelajar dalam menulis karangan berkaitan pengorbanan ibu bapa...”. Idea yang digarapkan melalui sajak tersebut mampu dijadikan sebagai idea untuk mengolah sebuah karangan yang lengkap. PK lain iaitu PK4 dan PK6 turut berpendapat bahan KOMSAS mampu mengembangkan kemahiran menulis murid.

Peserta kajian turut berpendapat isi pelajaran KOMSAS berupaya mengajar pelajar untuk mencapai kesejahteraan diri murid. Kesejahteraan diri murid ini merangkumi unsur intelek, jasmani, emosi dan rohani murid (KPM, 2018). Pengajaran karya KOMSAS dilihat sebagai bahan penting dalam mengasah aspek tersebut dalam diri murid. Penampilan watak-watak dalam karya mampu menjadi suri teladan kepada murid dalam membangunkan empat aspek tersebut. PK2 berpendapat karya sastra dapat membina dari segi perkembangan minda murid iaitu “...bila saya mengajar di tingkatan 4 dan tingkatan 5, apabila pelajar itu sudah mempunyai asas yang betul, asas-asas pembelajaran KOMSAS, penekanan kepada mereka menghayati karya itu...supaya mereka dapat menjadikan babak cerita itu sebagai panduan hidup mereka daripada melakukan kesilapan, dan yang paling penting adalah mereka menghayati babak cerita, kandungan dalam pantun, dalam sajak lalu mereka seolah-olah menjadi penulis muda yang mempunyai minda yang positif...”.

Karya KOMSAS berupaya menjadi bahan bagi mengembangkan unsur rohani murid melalui pengajaran yang diambil oleh mereka seperti pendapat PK3 iaitu “Itu sebenarnya saya sangat bersetuju apabila pelbagai aktiviti kebahasaan yang diambil menerusi karya KOMSAS seperti pertandingan syair, syarahan, drama KOMSAS dan sebagainya. Ini sebenarnya bertujuan untuk memacu potensi pelajar pada masa akan datang, apa yang kita ajar pada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 untuk mereka mempersiapkan dalam diri yang syumul dalam kerjaya hidup mereka yang penuh cabaran terutamanya kerohanian mereka. Bukan itu sahaja, karya KOMSAS ini membantu murid untuk mengasah daya intelektual mereka dalam memberikan pendapat seperti pendapat PK4 iaitu “...KSSM menerusi KOMSAS ini berkehendakan kebolehpasaran dan kebolehjadian pelajar agar mereka mampu mencapai kesejahteraan diri...sebab KOMSAS mengajar untuk mereka menjadi individu yang hebat dari segi intelektual. Murid yang boleh mengolah karya sastra ini murid yang bijak...”. Karya KOMSAS juga berupaya untuk membantu murid menyelesaikan konflik dalam diri mereka sekiranya berhadapan dengan masalah yang sama seperti yang digarapkan oleh penulis. Unsur pengajaran dilihat menjadi dominan untuk diteladani oleh murid. PK berikut mempunyai pendapat sedemikian iaitu PK6 dan PK7. Mereka berpendapat murid dapat membina kesejahteraan hidup berdasarkan kisah-kisah yang terdapat dalam karya KOMSAS seperti Cerpen Gerhana Cinta Manusia. Hal ini selaras dengan pendapat Othman (2002) yang menyifatkan bahan sastra berupaya membantu mewujudkan hubungan yang harmoni di samping membentuk perilaku seseorang manusia.

Di samping itu, aspek seni berbahasa menerusi karya KOMSAS turut ditekankan oleh PK. Aspek seni berbahasa merujuk kepada tahap keupayaan murid dalam mengungkap serta mengapresiasi keindahan dalam berbahasa, berupaya untuk mendalami, menghayati dan memahami di samping menghargai karya tersebut (KPM, 2018). Mereka berpendapat dua perkara penting yang perlu diajar iaitu aspek penyampaian karya agar mereka tahu untuk menghargai keunikan karya KOMSAS dan aspek sastera yang merangkumi pengajaran, persoalan, nilai, latar, watak, plot, teknik plot, tema, gaya bahasa dan sinopsis. Penyampaian karya KOMSAS meliputi pengajaran terhadap kemahiran mempersembahkan karya sastera dengan tepat dan sempurna. PK1 berpendapat guru seharusnya mengetahui cara untuk menyampaikan karya sastera seperti sajak dengan tepat mengikut nada yang telah diterapkan oleh penulis seperti “kita nak mengajar sajak, jadi sebagai Guru Cemerlang perlu mempunyai pengalaman dan pengetahuan bagaimana untuk menyampaikan sajak dengan berkesan mengikut nada seperti romantik, patriotik, melankolik dan sebagainya”. Penggunaan teks cerpen dan drama juga membantu untuk murid belajar untuk menjadi pelakon di samping mengembangkan kemahiran berfikir mereka seperti pendapat PK2 “Kebetulan pula sekarang kita ada KBAT atau Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, pengajaran Abad Ke-21, maknanya aktiviti-aktiviti berkumpulan ini mereka dapat melakonkan babak-babak tertentu dalam drama, cerpen dan memang lebih berkesan mereka lebih terkesan pada jiwa mereka sebab mereka bertindak menyampaikan karya tersebut dengan menghargai karya tersebut”. PK lain turut berpendapat sedemikian iaitu PK3 “...kita nak ajar mereka satu nilai menghargai karya contoh mereka boleh mendeklamasikan sajak, berlakon drama, menulis novel, cerpen dan drama atau mendendangkan puisi yang boleh mereka bawa apabila berhadapan dengan kehidupan masyarakat yang akan datang...”. Begitu juga dengan PK4 dan PK5 turut berpendapat yang sama.

Karya sastera juga dapat dihargai melalui kebolehan yang ditonjolkan oleh murid dalam penulisan karya kreatif. Mereka yang berupaya menghasilkan karya kreatif juga dilihat sebagai seorang yang mempunyai seni dalam berbahasa. Hal ini selaras dengan pendapat PK6 iaitu “Pengapresiasian sama ada menulis karya kreatif iaitu teks sastera atau mempersembahkan karya sastera dan penghayatan sastera mampu mendukung kemahiran berbahasa dalam membentuk jati diri dan sahsiah murid. Kita mahu murid yang mampu menulis karya kreatif seperti sajak, pantun, syair, seloka dan sebagainya dan bukan hanya persembahkan lakonan sahaja”. Mereka juga turut berpendapat aspek sastera perlu diajar kepada murid secara tidak langsung apabila karya sastera dijadikan bahan pengajaran dalam mengajar Kemahiran dan aspek kepada pelajar. Aspek ini akan membantu murid untuk memahami dan menghayati karya sastera dengan lebih mendalam terhadap pemikiran penulis dalam karya KOMSAS yang diajar. Murid perlu memahami aspek sastera dahulu bagi mengkaji karya sastera secara mendalam. Hal ini selaras dengan PK1 iaitu “Tetapi apapun kita nak menerapkan kemahiran kepada pelajar dalam aspek bahasa seperti yang ditekankan dalam pembelajaran Bahasa Melayu dari aspek bahasa, menganalisis kandungan teks dan yang paling penting mereka dapat pelajari elemen sastera seperti tema, persoalan, pengajaran yang terdapat dalam sesuatu karya agar mereka mampu menghayati dengan lebih mendalam”. PK berikut turut mempunyai pendapat yang sama iaitu PK2 dan PK3

Pendedahan aspek sastera ini penting untuk menjana idea murid bagi mengulas sama ada dalam aspek penulisan mahupun bertutur. Murid yang cekap seharusnya berupaya untuk memberi respons dengan matang terhadap karya KOMSAS tersebut seperti pendapat PK4 iaitu “saya bagitahu berkenaan dua orang murid, macam mana dia boleh kupas novel berkaitan dengan penyiasatan, macam mana dia boleh ulas novel tersebut dengan aspek tema, aspek persoalan, pengajaran, nilai, latar dia boleh apply dalam bahan yang lain. Sedangkan ilmu itu kita ajar semasa di tingkatan 3, mereka kelihatan matang ketika berucap. PK lain turut mempunyai pandangan yang sama iaitu PK5 “Murid seharusnya tahu peristiwa yang berlaku dalam cerita tu... pengajarannya, nilainya, watak dan perwatakan, latar tempat, masa pelajar perlu tahu setiap

muka surat tu, jadi tamat sahaja dia baca novel tersebut dia dah tahu semua perkara dalam novel tersebut secara terperinci...berkenaan aspek KOMSAS serta idea yang diketengahkan oleh pengarah, bila suruh bentang mereka dapat bentang dengan yakin...". Pendapat PK6 juga selaras dengan pendapat PK5.

Kesimpulan

Guru Cemerlang seharusnya mempunyai pengetahuan kandungan yang baik dalam memastikan pelaksanaan PdP KOMSAS dalam dilakukan dengan berkesan. Pengetahuan kandungan dalam sesebuah karya akan membantu mereka untuk merancang PdP ke arah berpusatkan kepada murid. Hal ini penting untuk mengelakkan berlakunya PdP berpusatkan guru. Strategi pembelajaran abad ke-21 menjadi perkara penting dalam memastikan PdP KOMSAS dalam dilaksanakan secara maksimum. Selain itu, pengetahuan kandungan terhadap teks KOMSAS telah membantu guru untuk menyesuaikan dengan pembelajaran kemahiran bahasa. Tumpuan kajian ini lebih kepada analisis pengetahuan kandungan GCBM tentang PdP KOMSAS dengan menggunakan pendekatan fenomenologi bersumberkan data temu bual. Oleh itu, pengkaji akan datang disaran untuk mempelbagaikan kaedah kajian sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian kes dan mempelbagaikan sumber data melalui analisis kandungan dan pemerhatian terhadap pengajaran GCBM. Temu bual terhadap murid juga dapat dilakukan bagi meluaskan dapatan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman & Norzila Md. Yusof. (2011). Keberkesanan cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan dalam kalangan murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2) Nov: 45-57.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. *Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Goulding, M., Rowland, T., & Barber, P. (2002). Does it matter? Primary teacher trainees' subject knowledge in mathematics. *British Educational Research Journal*, 28(5), hlm.689-704.
- Grossman, P. L. (1990). *The making of a teacher: Teacher knowledge and teacher education*. New York: Teacher College Press.
- Hargreaves, A. 2005. Educational change takes ages: Life, career and generational factors in teachers' emotional responses to educational change. *Teaching and Teacher Education*, 21 (8): 967-983.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu*. Putrajaya
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Terma Rujukan Konsep Guru Cemerlang*. Putrajaya.
- Nik Mohd Rahimi. (2005). *Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi*. Tesis Doktor Falsafah :Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nora'azian Nahar dan Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 8 (1) :74-83
- Othman Puteh. 2002. Penglibatan penulis pelbagai kaum dalam kesusasteraan kebangsaan. Kertas kerja Simposium Penulis Pelbagai Kaum. Dewan Bahasa & Pustaka & GAPENA, Kangar, 22 Ogos.
- Ong Sze Chong. (2018). Ciri-ciri guru cemerlang bahasa Melayu sekolah menengah kebangsaan di negeri Sarawak. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah. (2009). Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Rozani Ahmad. (2017). Keupayaan menggunakan KOMSAS sebagai kompetensi pengajaran guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Bil 2, 65-76.
- Rozita Radhiah Said & Abd Rasid Jamian. (2012). Amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah. *Asia Pacific Journal Of Educators And Education* Vol. 27, 51-68.
- Shulman, L.S., & Grossman, P.L. (1988). *The intern teacher case book*. San Francisco,CA: Far Wets Laboratory for Educational Research and Development.
- Shulman, L. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4-14
- Shulman, L.S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57 (1), hlm. 1-22.
- Yahya Othman. (2005). Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.